

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

'Ekonomi, sosial rakyat meningkat'



RAFIZI ketika pembentangan usul Kajian Separuh Penggal RMK-12 di Dewan Negara semalam. - IHSAN JABATAN PENERANGAN

Malaysia sasar tangga ke-25 teratas HDI

'Ekonomi, sosial rakyat meningkat'

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR - Malaysia menasaskan untuk berada pada kedudukan ke-25 teratas bagi Indeks Pembangunan Manusia (HDI) dalam tempoh 10 tahun.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, sasaran tersebut sekali gus bakal memperbaiki kedudukan Malaysia yang kini berada di tangga ke-62 daripada 189 buah negara bagi HDI pada 2021.

"Pada peringkat domestik, tahap kesejahteraan ekonomi dan sosial rakyat meningkat sebanyak 1.3 peratus dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia.

"Pendapatan purata bulanan isi rumah juga bertambah baik, iaitu sebanyak RM8,479 pada 2022, berbanding RM7,901 pada 2019," katanya ketika pembentangan usul Kajian Separuh Penggal RMK-12 di

Dewan Negara semalam.

HDI mempertimbangkan tiga aspek dalam pembangunan manusia merangkumi gaya hidup sihat, kualiti pendidikan dan taraf hidup yang baik.

Dalam pada itu, Rafizi menggesa agar rakyat bekerjasama dan memberi sokongan kepada usaha kerajaan bagi merealisasikan Kajian Separuh Penggal RMK-12 yang telah dibentang Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat, Isnin lalu.

Ujar Rafizi, RMK-12 memberi keutamaan dan penekanan baharu kepada dasar, strategi dan inisiatif bagi pembangunan sosioekonomi selain sebagai langkah memperkukuh tadbir urus negara yang mampan, sejahtera dan berpendapatan tinggi.

"Saya juga menyeru seluruh rakyat Malaysia berganding bahu

untuk memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan negara adalah telus, adil dan saksama," katanya.

Sementara itu, Rafizi berkata, Industri Elektrik dan Elektronik (E&E) negara yang menyumbang hampir 13 peratus dalam pengeluaran dan pempakejan cip dunia akan diperkukuh untuk beralih ke rantaian nilai yang lebih tinggi.

"Pembangunan industri E&E negara telah sekian lama tertumpu kepada aktiviti peringkat akhir (back-end) yang kurang memberi nilai tambah.

"Kini, keutamaan akan diberikan kepada aktiviti peringkat awal (front-end) yang bernilai tinggi seperti reka bentuk litar bersepadu, reka bentuk kejuruteraan dan fabrikasi wafer," tambahnya.